

SIARAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) KERJASAMA STRATEGIK YAYASAN GURU MALAYSIA BERHAD DAN ZURICH TAKAFUL MALAYSIA BERHAD BAGI PRODUK “AHLI SKIM PLATINUM”

KUALA LUMPUR, 19 Mei 2024 – Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) bersama Zurich Takaful Malaysia Berhad (Zurich Takaful) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menawarkan produk baharu kepada guru-guru serta kakitangan yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan di seluruh negara.

MoU ini ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif YGMB, Datuk Wan Munadi Wan Mamat dan Nur Fatimah Mustafa selaku Wakil Sah Zurich Takaful Malaysia Berhad dengan disaksikan oleh Pengerusi YGMB, Aminudin Adam serta Ketua Unit Bancatakaful dan Kumpulan Perniagaan, Zurich Takaful Malaysia Berhad, Jamil Ramli.

Menerusi kerjasama ini, YGMB akan menawarkan produk baharu iaitu Ahli Skim Platinum (ASP) kepada warga pendidik dan juga lebih 100,000 Ahli YGMB sedia ada yang berhasrat untuk mendapatkan manfaat yang lebih baik. ASP diperkenalkan dengan manfaat yang ditambah baik antaranya senarai Penyakit Kritikal sedia ada di tambah kepada 51 jenis penyakit, Bantuan Anak Istimewa dan Keguguran serta Perkhidmatan Ambulans.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YGMB, Datuk Wan Munadi Wan Mamat, ASP merupakan pelan perlindungan yang komprehensif terhadap kematian, keilangan menyeluruh dan kekal, penyakit kritikal, perbelanjaan perubatan dan banyak lagi dengan nilai maksimum sehingga RM132,000.

Skim ini memberi perlindungan dengan lebih menyeluruh dan wajar untuk direbut oleh warga pendidik kerana nilai manfaatnya ditambah baik berbanding skim-skim sedia ada.

"Secara amnya, skim keahlian ini sesuai dengan peredaran masa dan keadaan ekonomi pada ketika ini. Nilai manfaat yang diberikan amatlah bertepatan dan berpatutan dengan yuran keahlian yang dikenakan.

"ASP merupakan satu nilai tambah yang bersesuaian dengan keperluan guru pada hari ini lebih-lebih lagi melihat kepada peningkatan tuntutan yang dibuat oleh ahli saban hari terutamanya disebabkan penyakit kritikal dan kematian akibat penyakit kritikal, maka di atas keprihatinan ini YGMB menambah nilai perkhidmatan menerusi produk baharu ini,".

Ujar Datuk Wan Munadi, skim keahlian ini juga merupakan tanda penghargaan dan terima kasih kepada warga pendidik yang sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan YGMB dalam memelihara kebajikan guru-guru yang bernaung di bawah YGMB.

Tambahnya, sebagai sebuah institusi yang berperanan untuk memelihara kebajikan warga pendidik, YGMB akan terus ke hadapan dalam melaksanakan pelbagai inisiatif yang boleh mengangkat martabat profesion keguruan negara ke tahap yang lebih baik.

Sehubungan itu, menerusi kerjasama strategik antara YGMB dan Zurich Takaful Malaysia Berhad ini, YGMB akan terus menyediakan perlindungan takaful mampu milik kepada semua penjawat awam di bawah naungan Kementerian Pendidikan dan secara tidak langsung

dapat menjadikan jenama Zurich Takaful lebih dekat dalam kalangan guru menerusi manfaat yang tersedia.

"YGMB akan terus komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk warga pendidik yang selama ini sentiasa memberi sokongan terhadap setiap program yang dianjurkan YGMB di seluruh negara.

"Alhamdulillah, YGMB kini boleh berbangga apabila jumlah keahlian telah melebihi 100,000 orang di seluruh negara sejak lima tahun lalu. Justeru, bagi memperkasakan usaha untuk menarik lebih ramai warga pendidik menyertai yayasan ini, YGMB mensasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya angka 50% daripada keseluruhan guru menyertai YGMB," ujarinya.

Sejak penubuhan YGMB pada tahun 1994 sehingga kini, YGMB telah membuat pembayaran bagi tuntutan manfaat menerusi kesemua kategori lebih RM22 juta.

Dalam pada itu, mengulas berkenaan kerjasama yang terjalin ini, Nur Fatimah berkata bahawa dengan pengalaman melebihi 150 tahun, Zurich Takaful memanfaatkan kepakaran bagi memastikan Ahli YGMB dilindungi daripada situasi luar jangkaan.

Inisiatif ini juga katanya sejajar dengan kempen jenama 'Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna', yang merupakan lanjutan daripada usaha berterusan untuk membantu dan melindungi warga pendidik di seluruh negara.

-TAMAT-